

**BN Perak Akan Tambah Manifesto Ikut Kesesuaian, Kehendak Negeri – Zambry Bernama
15 Mei, 2012**

IPOH, 15 Mei (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Perak mungkin akan membuat penambahan yang sesuai kepada manifesto yang akan dirumuskan parti itu di peringkat nasional, untuk dilaksanakan di peringkat negeri, kata Menteri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir.

Beliau berkata walaupun pada prinsipnya BN akan mempunyai sebuah manifesto di peringkat nasional, namun Perak mungkin akan membuat penambahan beberapa perkara yang berkaitan mengikut kesesuaian dan kehendak negeri.

"Sudah tentu kita akan menambah (pada manifesto BN peringkat nasional) beberapa perkara yang ada kaitan dengan Perak kerana cabaran dan masalah yang dihadapi berbeza dengan negeri lain," katanya kepada pemberita selepas melawat pesakit kanak-kanak di wad Pediatrik, Unit Rawatan Rapi, Hospital Raja Permaisuri Bainun di sini pada Selasa.

Mengenai tindakan Naib Pengerusi DAP Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim keluar parti, beliau berkata tindakan itu menunjukkan Tunku Abdul Aziz mempunyai prinsip dalam perjuangan.

"Beliau merupakan tokoh yang ada pegangan dan pernah menganggotai Transparency International, orang yang bercakap mengenai nilai kehidupan, prinsip keadilan, demokrasi, memerangi rasuah dan sebagainya," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=666325>